



KWSP
EPF

KENYATAAN TENDER

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Tender adalah dipelawa secara terbuka bagi perolehan dan perkhidmatan seperti berikut:-

NO. RUJUKAN PELAWAAN	KETERANGAN TENDER	KOD BIDANG	WANG KESUNGGUHAN	MODAL BERBAYAR/ EKUITI PEMILIK (SHAREHOLDERS' EQUITY)	TARIKH / LOKASI TAKLIMAT	TARIKH BUKA	TARIKH TUTUP
Doc 5710955654	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf CCTV Di 10 Lokasi Bangunan KWSP (Terengganu, Seremban, EPF Learning Campus Bangi, Melaka, Seberang Jaya, Kota Bharu, Johor Bahru, Kuching, Kuantan Dan Ipoh).	KKM - 010501 / 210101 / 210102 / 210104 / 220402 / 220503	RM5,000.00	RM364,680.00	Tarikh : 05.06.2026 (Jumaat) Masa : 10.30 Pagi Tempat : Fizikal Bilik Seminar 5, Tingkat 1, Blok Pentadbiran, EPF Learning Campus (ELC), Persiaran KWSP, 43000 Kajang, Selangor.	29.05.2026 (Jumaat) Tarikh Publish RFP 09.06.2026 (Selasa)	30.06.2026 (Selasa)
Doc 5710955649	Pembelian dan Penggantian Scanner di KWSP	KKM - 210101	Tidak Berkaitan	RM300,000.00	Tarikh : 11/06/2026 (Khamis) Masa : 11.00 Pagi Tempat : Virtual MS Teams Untuk tujuan ini, pembekal perlu membuat janji temu melalui emel Scanner_KWSP@epf.gov.my selewat-lewatnya pada 10/06/2026 (Rabu), jam 5.00 petang bagi mendapatkan akses.	28.05.2026 (Khamis)	22.06.2026 (Isnin)
Doc 5707782109	Intelligent Data Management (IDAM) Technology Refresh and Optimization	KKM- 210103/ 210104/ 210106	Tidak Berkaitan	RM150,000.00	Tarikh : 12/06/2026 (Jumaat) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Virtual MS Teams Untuk tujuan ini, pembekal perlu membuat janji temu melalui emel idamdcsd@epf.gov.my selewat-lewatnya pada 11/06/2026 (Khamis), jam 5.00 petang bagi mendapatkan akses.	28.05.2026 (Khamis)	22.06.2026 (Isnin)

- Tawaran tender bersama maklumat lengkap pelawaan boleh diperolehi secara atas talian mulai **Tarikh Tender Dibuka/Tarikh Publish RFP**. Hanya pembekal yang berdaftar dengan sistem eProcurement KWSP (SAP Ariba - Ariba Network) sahaja layak menyertai tender ini.
- Bagi pembekal yang belum berdaftar dengan sistem eProcurement KWSP, pendaftaran boleh dibuat melalui pautan pendaftaran seperti berikut: <http://epf.supplier.ariba.com/ad/selfRegistration>. Tuan/puan boleh menghubungi KWSP melalui emel procurement@epf.gov.my atau hubungi talian 03-61226222 untuk sebarang pertanyaan berkaitan pendaftaran.
- Pembekal hendaklah mempunyai **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Borang 24** yang masih sah tempohnya serta **Penyata Kira-kira Terkini (Telah diaudit)** semasa membuat pendaftaran secara *online* untuk tender ini. Pelawaan tender tidak akan ditawarkan sekiranya pembekal gagal mengemukakan dokumen lengkap dan terkini semasa membuat pendaftaran.
- Kehadiran Taklimat Tender adalah **diwajibkan** dan akan diadakan pada **tarikh yang dinyatakan di atas**. Kegagalan pembekal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan menyebabkan penyertaan perolehan **TERBATAL** dengan sendirinya.
- Petender dikehendaki mengemukakan **Wang Kesungguhan (Jika Berkaitan)** bagi jumlah yang dinyatakan di atas melalui **Pemindahan Dana Elektronik (EFT)** kepada **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** dan salinan resit hendaklah dimuatnaik ke sistem e-Procurement KWSP. Maklumat pembayaran boleh didapati dalam Sistem e-Procurement KWSP. Wang Kesungguhan ini akan dikembalikan selepas keputusan tender dibuat.
- Tawaran dan dokumen perolehan yang telah lengkap dikunci masuk dan dilampirkan hendaklah dihantar melalui sistem eProcurement KWSP tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari pada tarikh tutup pelawaan.**
- KWSP tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender yang terendah dan tidak akan bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan tender serta sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini.